
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMG 213 – Teknik-Teknik Dalam Geografi

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

BAHAGIAN A

Soalan 1 dan 2 adalah berdasarkan Peta 1, Peta Topografi L1/1102/2 & 6 (Siri T 735) KUCING. (lihat Lampiran 1).

1. (a) Kira keluasan kawasan tanaman getah di PG 3466 hingga PG 4271.
(10 markah)
 - (b) Kira kecerunan bentuk mukabumi antara Bukit Siol (PG 366750) dengan tanda aras Kg. Gita (PG 346723).
(8 markah)
 - (c) Buat peta guna tanah bagi kawasan petak peta PG 3568 hingga PG 4175 bagi menggantikan peta topografi yang sedia ada sesuai dengan keperluan perancangan.
(7 markah)
2. (a) Kirakan kepadatan saliran bagi kawasan di sebelah utara Sungai Sarawak seperti dalam peta lembaran L1/1102/2 & 6 (Siri T 735) KUCING.
(10 markah)
 - (b) Kajikan pandang darat di kawasan timur laut peta yang diberi. Huraikan bagaimana kawasan ini boleh dinaiktaraf dan dikomersialkan.
(15 markah)

Soalan 3 adalah berdasarkan Jadual 1 dan Peta 2 yang dilampirkan.

3. Dengan menggunakan kaedah simbol berkadar yang sesuai dan berkesan, pindahkan maklumat dalam Jadual 1 ke dalam peta Semenanjung Malaysia di Lampiran 2.

(25 markah)

Jadual 1 Tangkapan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dari tahun 1999 hingga 2003

Kontinjen	1999	2000	2001	2002	2003
Perlis	104	252	311	324	322
Kedah	830	964	1044	1333	996
P.Pinang	1556	2060	2278	2687	2806
Perak	1435	1718	2697	2644	2543
Selangor	1899	1664	1785	2727	3469
K. Lumpur	1345	1940	4179	5131	4130
N.Sembilan	732	815	797	868	603
Melaka	505	522	512	550	342
Johor	1628	1604	2140	2404	2781
Kelantan	630	759	1027	1060	1651
Terengganu	976	958	896	874	887
Pahang	1059	1060	1236	1360	1549
Sarawak	338	356	377	415	1126
Sabah	1407	1248	1659	1435	1601
Jumlah	14444	15920	20938	23812	24815

Sumber: PEMADAM, 2004.

BAHAGIAN B**Jadual 2** Jumlah korban akibat bencana tsunami di pusat seismik Sumatera, Indonesia pada 26 Disember 2004.

Malaysia	Indonesia	Thailand	India	Sri Lanka	Somalia	Myanmar	Maldives	Tanzania	Bangladesh	Kenya
68	94081	5104	15275	30196	200	90	80	10	2	1



Utusan Malaysia, 4 Januari 2005

4. (a) Lakarkan peta aliran dari kawasan pusat seismik bencana tsunami ke negara yang mengalami korban kematian dengan menggunakan maklumat dalam Jadual 2 ke Peta 3 di Lampiran 3.
(15 markah)
- (b) Nyatakan mengapakah kaedah ini dianggap yang terbaik dalam menggambarkan maklumat dalam Jadual 2.
(10 markah)
5. (a) Satu set foto udara diambil pada ketinggian 4000 meter dari paras laut. Purata ketinggian terain ialah 500 meter dari paras laut. Jarak fokal kamera ialah 20.995 sm. Kirakan skala foto udara tersebut.
(7 markah)
- (b) Satu foto udara telah diambil pada skala 1 : 25, 000. Purata ketinggian terain ialah 250 meter. Jarak fokal kamera ialah 20.995 cm. Kirakan ketinggian kapal terbang bagi mengambil foto.
(8 markah)
- (c) Sepasang foto udara telah diambil dari ketinggian 400 meter. Jarak antara pusat foto tersebut ialah 200 mm. Jarak antara puncak dan pangkal bangunan X dalam kedua-dua foto tersebut ialah masing-masing 150 mm dan 160 mm. Kirakan ketinggian bangunan X.
(10 markah)


PETA 1: Peta Topografi L1/1102/2 & 6 (Siri T 735)

KUCHING

Dicetak dengan kebenaran Pengarah Pemetaan Negara Malaysia.
Hakcipta Kerajaan Terpelihara.
DNMM. 24.04.1/Jld. 15/(39)



PETA 3



PETA 4



(a) Salah



(b) Betul

Taburan Penduduk Negeri Pahang Mengikut Daerah